



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
TINGKAT 14, BLOK 9
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA
50600 KUALA LUMPUR

Telefon: 03- 62091000
Faks: 03-62039592
Laman Web: www.hasil.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31/1

Tarikh : 15 Jun 2009

Pengarah Eksekutif,
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur


Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati
53100 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam



Tuan,

SYARIKAT DORMAN - PENGELUARAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI BAGI PERMOHONAN DALAM TEMPOH MORATORIUM SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA DARI 1 APRIL 2009 HINGGA 30 SEPTEMBER 2009

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas berkaitan dengan Pengenalan Semula Tempoh Moratorium Untuk Pembubaran Syarikat Dorman yang diumumkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 31 Mac 2009.

2. Seiringan dengan usaha SSM, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menetapkan syarat dan prosedur berikut bagi permohonan untuk Surat Penyelesaian Cukai (SPC) oleh pengarah syarikat yang dorman.

(a) Syarikat yang tidak pernah beroperasi sejak tarikh penubuhannya

Dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan untuk pengeluaran SPC:

- (i) Borang nyata terkini; dan
- (ii) Borang CP7 (Notis Mendapatkan Maklumat Di Bawah Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 – Penyata Untuk Pembubaran Syarikat Dorman) seperti yang dilampirkan.

(b) Syarikat yang pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau perniagaan

Dokumen-dokumen seperti dinyatakan dalam Perkara 2(a)(i) dan (ii) juga perlu dikemukakan bersama-sama dengan permohonan untuk pengeluaran SPC. Akan tetapi, pengarah syarikat hendaklah memastikan bahawa—

- (i) Semua taksiran bagi tahun-tahun syarikat beroperasi atau menjalankan perniagaan sudah diselesaikan; dan
- (ii) Syarikat tidak mempunyai sebarang cukai (termasuk potongan bulanan) yang masih terhutang kepada LHDNM.


3. Permohonan untuk pengeluaran SPC hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail syarikat berkenaan berserta dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas.

4. Walau bagaimanapun, LHDNM mengekalkan hak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 dan lain-lain Akta yang berkenaan sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan oleh syarikat / pengarah syarikat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



[MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD]

Pengarah
Jabatan Operasi Cukai
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

NISARAH/Surat kpd akauntan - moratorium



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
NOTIS MENDAPATKAN MAKLUMAT
DI BAWAH SEKSYEN 81 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
(PENYATA UNTUK PEMBUBARAN SYARIKAT DORMAN)

CP7 [2009]

Nama Syarikat		
(nama penuh syarikat dalam huruf besar)		
No. Rujukan Cukai	<input type="text"/>	<input type="text"/>
No. Majikan	<input type="text"/>	No. Pendaftaran Syarikat <input type="text"/>

Saya,

<input type="text"/>
<input type="text"/>

(nama penuh Pengarah Syarikat dalam huruf besar)

No. Kad Pengenalan / No. Pasport / No. Polis / No. Tentera *

(* Potong yang tidak berkenaan)

<input type="text"/>

No. Rujukan Cukai

<input type="text"/>

Alamat

<input type="text"/>								
<input type="text"/>								
<input type="text"/>								
<table border="1"><tr><td>Poskod</td><td><input type="text"/></td><td>Bandar</td><td><input type="text"/></td></tr><tr><td>Negeri</td><td colspan="3"><input type="text"/></td></tr></table>	Poskod	<input type="text"/>	Bandar	<input type="text"/>	Negeri	<input type="text"/>		
Poskod	<input type="text"/>	Bandar	<input type="text"/>					
Negeri	<input type="text"/>							

dengan ini mengakui bahawa pernyataan berikut adalah benar, lengkap dan betul mengenai perihal syarikat yang tersebut di atas seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967:-

- (a) Saya adalah Pengarah syarikat yang tersebut di atas;
- (b) Syarikat ini **tidak menjalankan perniagaan sejak ditubuhkan / tidak lagi beroperasi sejak** * ;
(* Potong yang tidak berkenaan) (hari/bulan/tahun)
- (c) Syarikat ini tidak berniat untuk memulakan perniagaan / menjalankan operasi pada masa akan datang;
- (d) Bagi syarikat yang pernah beroperasi:
 - (i) Syarikat ini tidak menerima pendapatan yang boleh dikenakan cukai sejak ;
(hari/bulan/tahun)
 - (ii) Syarikat ini telah membayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri semua potongan bulanan menurut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994; dan
- (e) Rekod-rekod syarikat ini boleh diperiksa di tempat seperti di bawah:

<input type="text"/>								
<input type="text"/>								
<input type="text"/>								
<table border="1"><tr><td>Poskod</td><td><input type="text"/></td><td>Bandar</td><td><input type="text"/></td></tr><tr><td>Negeri</td><td colspan="3"><input type="text"/></td></tr></table>	Poskod	<input type="text"/>	Bandar	<input type="text"/>	Negeri	<input type="text"/>		
Poskod	<input type="text"/>	Bandar	<input type="text"/>					
Negeri	<input type="text"/>							

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa perakuan di atas adalah benar dan betul. Jika maklumat yang diberikan tidak benar dan betul, tindakan pendakwaan di bawah perenggan 113(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diambil dan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak melebihi RM10,000. Saya juga menyedari bahawa kegagalan mengemukakan notis ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan, saya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua ratus ringgit (RM200.00) dan tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2,000.00) atau hukuman penjara untuk satu tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali di bawah subseksyen 120(1) Akta yang sama.

<input type="text"/>

<input type="text"/>

Tarikh

Tandatangan Pengarah Syarikat

..... Cap Syarikat